

# Nik Salida utama tugas pensyarah

## Penuhi jemputan ceramah tanpa abai amanah kerjaya, keluarga

**K**omitmen terhadap tugas hakiki terus menjadi keutamaan dan disebabkan itu, pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga pendakwah terkenal, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, terpaksa bersifat 'memilih' dalam menerima jemputan berceramah atau menjadi tetamu program agama di stesen televisyen.

Katanya, dalam 10 jemputan diterima hanya satu dapat diraikan andainya sesuai dengan tarikh, waktu serta tempatnya dan paling penting, tidak

mengganggu tugas di universiti serta masa diperuntukkan untuk keluarga.

Begitu juga dengan program televisyen seperti *Tiga Ustazah* dan *Al-Maraaya* yang menampilkan beliau sebagai ahli panel dan pengacara, beliau mampu memberi sepenuh kerjasama kerana penerbit boleh memenuhi permintaan untuk memperuntukkan hari tertentu bagi menjayakan program ilmu itu.

"Bukan 'demand' tetapi saya ukur baju di badan sendiri. Andainya memang tidak mampu, saya tidak akan memaksa diri menerima kerana

saya memikul amanah sebagai penjawat di USIM dan pastinya tugas hakiki itu mengatasi permintaan lain.

### Menjaga amanah

"Saya bercakap mengenai amanah kenalah menjaga amanah dari segi masa dan tanggungjawab. Oleh itu, saya perlu lebih dulu meletakkan diri pada landasan yang baik. Namun ada juga ceramah yang saya pergi tetapi dengan keizinan majikan," katanya.

Malah katanya, kesuntukan masa memastikan tanggungjawab kerjaya dan keluarga ditunaikan sebaiknya, ada kala beliau tidak sempat membuat persediaan rapi untuk program ceramah. Namun, menjadi amanahnya untuk membuat rujukan terlebih dulu.

Justeru, beliau akan ke tempat ceramah awal dan tanpa memaklumkan pihak penganjur, waktu itu digunakan sebaiknya untuk membuat persediaan serta mencari bahan rujukan. Kira-kira 15 minit program hendak bermula beliau akan berada di tempat majlis diadakan.

Menyentuh reaksi keluarga terhadap tugasnya berdakwah melalui ceramah dan program di televisyen, Nik Salida berkata, suami memahami manakala anak-anak pula yang awalnya agak terkejut dengan kesibukan ibu mereka kini sudah boleh menerima keadaan itu.

Katanya, sepanjang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Keele University United Kingdom selama tiga setengah tahun, semua urusan anak dilakukan sendiri bersama suami dan beliau sentiasa berada di samping mereka.

### Anak terkejut

Oleh itu, apabila sekembalinya ke tanah air, tiga anak agak terkejut melihat kesibukan ibu mereka sebagai Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Timbalan Pengarah Pusat Permata Insan USIM serta Ketua Kluster dan Felo Penyelidik INFAD.

"Maklumlah dulu saya buat semua iaitu mandikan mereka dan suapkan makan. Malah anak tanya boleh tak saya tukar peranan dengan pembantu rumah. Oleh itu, saya pastikan akan hantar mereka ke sekolah setiap pagi dan waktu dalam kereta dimanfaatkan untuk berbual dengan mereka," katanya.

Katanya, beliau yakin anak-anak akan memahami tugas dipikul kerana beliau sendiri sudah melalui pengalaman sama ketika usia mereka, sering ditinggal ibu bapa yang bertugas sebagai pendidik dan pada masa sama berbakti kepada masyarakat.

Lebih cenderung memberi ceramah kepada jemaah wanita, Nik Salida mengakui masih banyak isu membabitkan wanita yang perlu ditangani dan diselesaikan, maka

keadaan akan jadi lebih mudah jika yang berada pada majlis atau program itu adalah kaum hawa.

Beliau berkata, jika majlis dianjurkan menggabungkan jemaah lelaki dan wanita, akan berlaku situasi di mana wanita malu untuk bertanyakan soalan. Justeru, mereka akan cuba mendapatkan beliau sebaik selesai majlis tetapi ada kala disebabkan kesuntukan masa pertanyaan itu tidak dapat dilayan.

### Bantu jemaah wanita

Katanya, ada juga yang mempertikai kecenderungannya yang hanya memfokuskan untuk membantu wanita saja mendalam, memahami serta menghayati ajaran Islam dengan mengaitkan isteri Rasulullah SAW, Aisyah, turut memberi ceramah kepada golongan lelaki.

"Jangan bandingkan saya dengan Aisyah kerana beliau adalah Ummul Mukminin yang tidak banding. Sebenarnya, Aisyah ber-

*"Saya bercakap mengenai amanah kenalah menjaga amanah dari segi masa dan tanggungjawab. Oleh itu, saya perlu lebih dulu meletakkan diri pada landasan yang baik"*

cerita mengenai masalah wanita kepada lelaki supaya mereka lebih memahami keperluan serta masalah wanita," katanya.

Berdasarkan pengalaman berinteraksi dengan jemaah wanita yang mengikuti ceramah serta programnya, beliau berkata, memang agak mengejutkan apabila ada soalan yang diterima adalah pertanyaan yang tidak sepatutnya datang daripada wanita dalam lingkungan umur sebegitu.

Bagaimanapun katanya, itu adalah kenyataan dan menjadi tugas pendakwah membantu masyarakat mendapatkan ilmu untuk memantapkan keima-

nan mereka serta memperbaiki diri menjadi hamba Allah SWT yang lebih baik.

### Tak anggap diri selebriti

Enggan menganggap dirinya sebagai selebriti, wajah yang sering menghiasi program *Positif Pagi*, *Pentas Dakwah*, *Tiga Ustazah*, *Forum Perdana Ehwah Islam*, *Soal Wanita*, *Al-Hidayah* dan *Al-Kulliyah* itu akur dengan hakikat beliau juga menjadi tumpuan peminat rancangan agama.

Mereka yang menyapa bukan saja kalangan wanita malah kanak-kanak turut memanggil apabila bertemu. Ini menimbulkan persoalan kepadanya apakah mereka juga menjadi penonton setia rancangan yang membahaskan isu untuk golongan dewasa.

Justeru, beliau mencadangkan supaya pendakwah wanita turut meneroka isu yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak serta golongan remaja untuk memahami serta mendalam ajaran Islam sesuai daya pemikiran pada peringkat umur mereka.

"Apabila ada kanak-kanak menegur, mulanya saya agak terkejut kerana ceramah saya kebanyakan untuk golongan dewasa. Bagi saya ini perkembangan baik dan ini bermakna kita perlukan program yang ada pengajian untuk anak-anak," katanya.



**HASLIZA  
HASSAN**

hasliza\_hassan@  
bh.com.my